



## UPM Dan Universiti Tokyo Tingkat Kerjasama Sains



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (dua dari kiri) bersalaman dengan Prof. Dr. Nobuyuki Miyazaki (tiga dari kiri) selepas menukar dokumen MoU UPM dan ORI, The University of Tokyo.

**SERDANG, 25 Mei** – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ocean Research Institute (ORI), The University of Tokyo, Jepun telah mengadakan bersama penyelidikan dan pertukaran penyelidik dalam bidang kimia, fizik dan biologi.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dan ORI turut mengadakan syarahan, simposium serta pertukaran maklumat akademik untuk tempoh selama lima tahun.

Beliau berkata MoU tersebut mengukuhkan MoU yang telah dibuat terlebih dahulu antara kedua-dua pihak sejak 10 tahun lalu melalui projek kerjasama yang diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Ismail dari Jabatan Biologi dengan saintis daripada pelbagai organisasi di Jepun.

Katanya terdapat dua orang tutor daripada UPM iaitu bekas pelajar Jabatan Biologi sedang menjalankan penyelidikan jazah doktor falsafah (PhD) di universiti tersebut.

"Walaupun penyelidikan bersama diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Ismail akan diteruskan, penyelidik dari Jabatan Fizik dan Kimia dipelawa untuk bekerjasama dengan saintis di University of Tokyo itu," katanya.

MoU itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Penyelidik ORI, Prof. Dr. Nobuyuki Miyazaki.

The University of Tokyo merupakan sebuah universiti penyelidikan terulung di Asia ditubuhkan pada tahun 1877 dan mempunyai 30,000 pelajar yang seimbang jumlahnya antara pelajar pra-siswazah dan siswazah sementara ORI ialah sebuah institut penyelidikan kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1962 di bawah universiti tersebut.

Penyelidikan di pusat tersebut tidak hanya terhad kepada perairan Jepun tetapi juga perairan antarabangsa dengan kerjasama negara luar dan organisasi antarabangsa.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (dua dari kiri), Prof. Dr. Nobuyuki Miyazaki (tiga dari kiri) sedang menandatangani MoU UPM dan ORI, The University of Tokyo sambil disaksikan oleh Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz dan Prof. Madya Dr. Koji Inoue.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.